

07/09/1997

Tempoh 63 tahun simbolik perjuangan Umno

TEMPOH 63 tahun sejak kemerdekaan negara dan 23 tahun mulai sekarang, dianggap simbolik kepada perjuangan Umno meningkatkan syiar Islam di Malaysia.

Ini kerana 63 tahun adalah usia Nabi Muhammad, manakala tempoh 23 tahun ialah jangka masa perjuangan Rasulullah menyebarkan Islam selepas menjadi rasul dalam usia 40 tahun.

Wakil Badan Perhubungan Umno Terengganu, Shafie Daud, berkata sama ada disedari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau tidak, pemilihan tahun 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju mengikut acuan sendiri, boleh dijadikan pedoman kepada Umno dalam perjuangannya menegakkan Islam.

"Mesti ada sebab Dr Mahathir memilih acuan sendiri kerana mulai tahun ini, kita ada 23 tahun untuk mencapai Wawasan 2020 dan angka 23 memberi simbolik kepada umat Islam dan realiti terhadap perjuangan Nabi Muhammad sebagai Rasul menegak, mempertahankan serta menyempurna Islam sehingga tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak," katanya.

(END)